

**TEKS UCAPAN
YANG BERUSAHA EN. HAMZAH BIN HJ. MOHAMAD
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN
ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK (BEE) SEMPENA SAMBUTAN
HARI BUMI 2022**

**TARIKH:
23 APRIL 2022 (SABTU)**

**TEMPAT:
DEWAN MASYARAKAT, MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN**

SALUTATION

1. Yang Berbahagia Dato Wee Hong Seng
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuching Selatan
 2. Yang Berusaha Puan Peggy Ronin Anak Edin
Controller Kualiti Alam Sekitar Sarawak
 3. Ketua-Ketua Jabatan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan
 4. Barisan urusetia program, pegawai dan kakitangan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan
 5. Para Pengamal Media
 6. Tuan- tuan dan Puan- puan, hadirin dan hadirat sekalian.
-

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua pada pagi ini kita dapat bersama-sama melancarkan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (e-waste) bersempena dengan Sambutan Hari Bumi 2022 Peringkat Negeri Sarawak.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato Wee Hong Seng, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan kerana telah melapangkan masa dan kesudian beliau bagi merasmikan pelancaran program kita pada pagi ini.

3. Ucapan terima kasih juga kepada pihak Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak selaku penganjur bersama bagi kempen ini dan barisan urusetia dari Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDeNR), Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) serta kontraktor berlesen kerana telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi di dalam menjayakan pelancaran Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (e-waste) Peringkat Negeri Sarawak pada pagi ini.

BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)

4. E-waste adalah merupakan barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi atau lama/usang. E-waste telah dikategorikan sebagai Buangan Terjadual di bawah Jadual Pertama, Peraturan- Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dengan Kod SW110.

5. E-waste dijana daripada 2 jenis punca iaitu daripada proses perindustrian dan rumah kita sendiri selaku pengguna

(household e-waste). Pengurusan bagi *e-waste* yang dijana daripada sektor industri adalah dikawal oleh JAS di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Namun demikian, bagi pengurusan dan pengendalian buangan elektrik dan elektronik dari isi rumah (*household e-waste*) tidak dikawal secara langsung di bawah perundangan yang khusus.

6. Ketiadaan mekanisma kutipan semula yang sistematik dan kerangka perundangan khusus pada masa kini telah menyebabkan kaedah pengurusan dan pelupusan *household e-waste* tidak dapat dilaksanakan dengan baik menyebabkan masyarakat telah melupuskan secara sendiri barangan ini seperti ke tong-tong sampah, membakar atau dibuang ke tapak-tapak pelupusan. Tindakan sedemikian adalah tidak baik dan akan memberi impak buruk kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Ini kerana *e-waste* mempunyai sisa-sisa bahan berbahaya di dalamnya seperti bifenil, merkuri, plumbum dan sebagainya yang boleh terbebas ke persekitaran dan berpotensi mencemarkan tanah dan sumber air kita

PENGURUSAN E-WASTE DARI ISI RUMAH

7. Pada masa ini, hanya 6 item *e-waste* yang dikawal di bawah Sistem Pengurusan *e-waste* di Malaysia yang dibangunkan oleh JAS iaitu televisyen, komputer peribadi, mesin basuh, pendingin hawa, peti ais dan telefon bimbit. Buangan elektronik lain seperti peralatan kecil (CD player, pengering rambut, ketuhar gelombang mikro, pencetak dan lain juga akan dimasukkan

mengambil kira kepesatan pembangunan sector IT dan digitalisasi.

8. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA) mendapati bahawa tren penghasilan e-waste di negara kita dijangka akan mencecah 24.5 juta unit (284,941.2 MT) menjelang tahun 2025 dan berdasarkan program kutipan JAS dari 2016-2020 lebih kurang 100 hingga 1000MT sahaja e-waste yang berjaya dikumpulkan bagi tujuan kitar semula atau dilupuskan mengikut peraturan sediaada. Jurang ketara antara jumlah pengumpulan sebenar yang berjaya dilaksanakan berbanding unjuran penjanaan e-waste menimbulkan persoalannya ke manakah buangan selebihnya telah dilupuskan?.
9. Bagi Negeri Sarawak sahaja berdasarkan jumlah penduduk seramai 2,907,500 (year 2020) kita boleh menganggarkan sebanyak 22,097 MT e-waste telah dihasilkan pada 2020 dengan mengambil kira kadar penghasilan e-waste secara purata 7.6kg setiap individu pada 2021 sepertimana anggaran penghasilan e-waste per individu oleh PBB. Berdasarkan jangkaan ini, sudah tiba masanya kita bertindak menangani isu pengendalian dan pengurusan buangan e-waste di Sarawak dengan lebih holistic.

KEMPEN PENGUMPULAN DAN KITAR SEMULA

10. Pada tahun 2022, JAS dan NREB bersedia menggerakkan kempen kutipan e-waste ke seluruh Bahagian di Negeri

Sarawak. Walaupun kaedah kutipan balik yang dilaksanakan ini tidak menjanakan pulangan wang yang menarik kepada orang ramai, tetapi pentingnya wujud kesedaran di kalangan masyarakat akan bahaya buangan e-waste kepada kesihatan dan alam sekitar dan wujud kesedaran bagi memastikan ianya dilupuskan dengan selamat.

11. Antara inisiatif JAS untuk memastikan pengurusan e-waste yang *Environmentally Sound Management* (ESM) dan mesra alam adalah melalui :
 - a. Pengenalan hari Pengumpulan e-waste pada Sabtu terakhir setiap bulan;
 - b. Penubuhan pusat pengumpulan e-waste di seluruh negara
 - c. Membangunkan aplikasi mudah alih MyEwaste;
 - d. Membangunkan laman sesawang e-waste; dan
 - e. Melaksanakan program dan aktiviti kesedaran awam.

12. Untuk makluman, senarai pusat-pusat pengumpulan e-waste berdaftar boleh diperolehi di laman web Jabatan Alam Sekitar atau melalui aplikasi mudah alih MyEwaste yang terdapat di Apple App Store dan Google Play Store. Aplikasi Mobile E-waste tersebut adalah aplikasi yang dibangunkan Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan dilancarkan pada 11 Mac 2021 oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bagi memudahkan orang awam mengetahui pusat pengumpulan yang berdaftar.

PENUTUP

13. Oleh itu, saya ingin menyeru kerjasama dan sokongan semua lapisan masyarakat supaya kita dapat bersama-sama menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan pengurusan dan pengendalian e-waste dilaksanakan secara *environmentally sound management* (ESM).

14. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan semua pihak untuk mengadakan program seumpama ini bersama-sama JAS dan NREB bagi meningkatkan kutipan balik e-waste bagi melindungi alam sekitar dan merealisasikan amalan 3R selaras dengan pendekatan *circular economy*. Jaringan strategik di dalam pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar antara sektor kerajaan dengan sektor swasta, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan masyarakat adalah penting dan selaras dengan slogan “**Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama**”.

Sekian. Terima kasih